

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

# Mulai tahun depan penuntut2 kita ke Korea dan Jepun

**KUALA LUMPUR, Sabtu** — Kerajaan, mulai tahun depan, akan mengalih perhatian untuk menghantar penuntut-penuntut ke Korea Selatan dan Jepun dan tidak lagi lagi ke negara-negara barat.

Mengumumkan perkara tersebut hari ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, langkah tersebut adalah bertujuan mensembangkan jumlah penghantaran penuntut-penuntut antara Timur dan Barat.

Bercakap kepada para pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Kerja Tertinggi UMNO di sini, hari ini, Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, kedua-dua negara itu dipilih kerana nilai hidup mereka adalah lebih secucuk dengan apa yang terdapat di sini.

Katanya, rakyat negara itu mempunyai disiplin yang tinggi dan menghormati orang-orang tua.

Jelasnya, cara hidup di barat adalah tidak sesuai kerana ramai penuntut-penuntut yang mendapati diri mereka terperangkap akibat perubahan kebudayaan yang bertentangan dengan nilai-nilai hidup di negara ini.